

DBKL diarah siasat projek di cerun

SH-516/2006

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyiasat segera projek perumahan yang didakwa diluluskan di kawasan cerun bukit di Bukit Mas berhampiran Kampung Pasir, Hulu Klang.

Perdana Menteri berkata, jika DBKL mempunyai maklumat yang diberikan oleh penduduk bahawa kemungkinan projek itu boleh mendatangkan bahaya sekiranya diteruskan juga, siasatan perlu dilakukan.

"Saya akan beritahu Datuk Bandar (Datuk Ruslin Hasan) supaya pergi tengok (projek itu)," katanya pada sidang media selepas melancarkan Perdana Kompeni Askar Wataniah Kawasan Parlimen Kepala Batas, Nibong Tebal dan Batu Kawan di Kompleks Sukan Bertam di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah; Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Zainal Abidin Zin dan

Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal.

Semalam, media melaporkan, DBKL meluluskan projek pembinaan pangsapuri tujuh tingkat di Bukit Mas, berhampiran dengan lokasi kejadian tanah runtuh di Kampung Pasir, Hulu Klang, minggu lalu.

Lebih 1,000 penduduk di Bukit Mas khuatir dengan kelulusan projek itu kerana rumah mereka terletak kira-kira 100 meter dari tapak projek. Tapak projek juga terletak hanya beberapa meter dari Kolam Tadahan Air Bukit Mas.

Mengenai dakwaan penduduk yang sudah membantah tetapi DBKL tetap meneruskan projek kerana menganggap tiada masalah, Perdana Menteri berkata, DBKL perlu melihatnya semula kerana kelulusan projek itu diberikan sebelum kejadian tanah runtuh minggu lalu.

"Itu sebelum jadi (tanah runtuh). Ini dah jadi... pergilah tengok," katanya.

Abdullah juga mahu penduduk terus memaklumkan kepada DBKL jika mereka mempunyai maklumat dan menghadapi masalah berhubung sesuatu projek yang dijalankan.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique, berkata pihaknya akan menyiasat projek pembangunan itu yang didakwa membahayakan kese-

lamatan penduduk sekitarnya.

Katanya, Ketua Setiausaha kementerian sudah diarah turun padang bersama Datuk Bandar bagi menyiasat perkara itu dan laporan mengenainya perlu diserahkan sebelum Rabu ini kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang memangku jawatannya.

Zulhasnan kini berada di luar negara sehingga 10 Jun kerana ber-cuti.

"Hasil laporan itu akan dijadikan panduan sebelum sebarang keputusan muktamad mengenai masalah berkenaan dibuat. Saya akan pastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk di kawasan terbabit diberi keutamaan," katanya dalam kenyataan yang dihantar melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) di sini, semalam.

FAKTA NOMBOR

Projek pembinaan pangsapuri di Bukit Mas

7

Tingkat pangsapuri akan dibina

1,000

Penduduk bimbang keselamatan